

**SILAT HARIMAU:** Wakil Mutlak Pencak Silat Macan, Encik Sumarleki Amjah berkata silat Macan berasal daripada Banten, Jawa Barat, Indonesia. Silat ini merupakan gabungan 11 seni silat Sunda dan diakhiri dengan Macan yang bermaksud harimau.



## Silat Macan 100 peratus 'tiger style'

JIKA silat yang lain mempunyai sedikit ciri-ciri harimau, ciri-ciri silat Macan ini 100 peratus 'tiger style'.

Silat Sunda ini berasal daripada Banten, Jawa Barat, Indonesia.

Silat ini merupakan gabungan 11 seni silat Sunda dan diakhiri dengan Macan yang bermaksud harimau.

"Setiap silat mempunyai gerakan harimau masing-masing. Ini kerana harimau adalah raja rimba. Tapi silat saya ini 100 peratus harimau," ujar Wakil Mutlak Pencak Silat Macan, Encik Sumarleki Amjah, 48 tahun.

Dan seperti binatang buas ini, ahli Silat Macan berada dalam keadaan terbaik untuk mengalahkan saingan mereka jika mereka di bawah.

"Kalau berdiri, mungkin tak dapat tewas kan pesaing. Tapi sekiranya jatuh dan berada di bawah, saya yakin dapat kalahkan pesaing sebab seperti harimau, mereka menerkam bila berada di bawah," katanya.

Beliau belajar seni silat ini semenjak umurnya 10 tahun daripada bapanya.

Namun, terpaksa berhenti seketika kerana ingin memberi tumpuan kepada kerjayanya.

"Pada 1994 hingga 2005, saya terlibat dalam Persisi (Persekutuan Silat Singapura) di mana saya sedar bahawa banyak jenis silat

yang tidak seunik Silat Macan. Oleh itu pada tahun 1998, kami mulakan semula persatuan sehingga kini," jelas Encik Sumarleki.

Selain gerakan harimau, apa yang menarik tentang Silat Macan ini adalah ia tidak berubah dan tiada suntikan baru yang diberikan.

"Kami cuba mengajar Silat Macan dan mengenalkan seni aslinya yang diajar kepada kami semenjak dahulu lagi.

"Tak kisahlah jika orang kata seni silat kami tidak hebat, kami tak peduli. Yang penting kami dapat kekalkan keaslian seni ini," tambah Encik Sumarleki.

Persatuannya juga pernah menganjurkan Ultimate Satria Championship (USC) di mana seni mempertahankan diri dari etnik lain juga turut serta yang diadakan pada 2011 dan 2012.

Apabila topik ini diperbincangkan di hadapan rakan silat yang lain semasa sesi wawancara bersama *Berita Harian*, mereka semua ingin Encik Sumarleki mengadakan USC buat kali ketiga atas respons yang amat membarangsangkan dan juga konsepnya yang unik.

Bahkan, Dr Effendy juga turut rasa ghairah dan ingin acara ini untuk berlaku sekali lagi!

## Perguruan Pencak Silat Kembang Wali ingin ke tahap nasional

MEMBAWA silat ke tahap nasional.

Itulah visi dan misi Guru Utama Perguruan Pencak Silat Kembang Wali, Encik Razali Hassan, 52 tahun.

Beliau bukan saja mengajar silat kepada murid Melayu tetapi juga murid bukan Melayu di kelas MMA atau seni mempertahankan diri campuran!

Encik Razali memperkenalkan ragam silat ke gelanggang Kejuaraan Ultimate Fighting (UFC) melalui teknik silat seperti "ground fighting" atau gerakan bawah.

"Murid MMA saya yakin bahawa silat boleh dibawa ke pertandingan MMA. Dengan cara begini, saya ingin kenalkan silat kepada masyarakat luar dan buktikan bahawa silat juga sama darjat dengan seni mempertahankan yang lain seperti Muay Thai dan tinju," kata Encik Razali.

Katanya, beliau telah merancang untuk melakukan ini semenjak sedekad yang lalu di mana beliau mula mengajar 'Silat Combat' di Kembang Wali dan kini, beliau berpeluang mengajar kepada murid MMA.

Untuk memupuk minat dalam diri anak Melayu untuk belajar silat sudah amat sukar, apa lagi kalau anak muda bukan-Melayu?

Oleh itu, beliau berikan sedikit suntikan silat ke dalam MMA agar silat boleh kekal relevan kepada setiap lapisan masyarakat.

"Saya mengajar silat tradisional dan kini saya harus mengevolusikan silat agar ia dapat difahami oleh mereka yang bukan berbangsa Melayu.

Cuma, saya tidak ajar gerakan 'bunga' kerana ia tidak relevan dalam gelanggang. Hanya gerakan kombat," jelasnya.

Apabila ditanya apakah keistimewaan Perguruan Kembang Wali, beliau berkata bahawa pisau kerambit dan belati yang membuat seni Kembang Wali ini berbeza.

"Kalau tak tahu gunakan senjata kerambit dan belati ini bukan murid Kembang Wali namanya," jawab Encik Razali.

Ia amat penting sehinggakan logo-logo mereka juga mempunyai gambar belati di tengah-tengah.

Walaupun teknik menggunakan pisau itu penting, mereka sebenarnya tidak menggunakan keris.

"Di Jawa Tengah, di mana seni ini dilahirkan, mereka tidak gunakan keris kecuali benar-benar terpaksa. Mereka menggunakan kerambit atau belati untuk bertarung," jelasnya.